

Dr. Mahathir tiba di Warsaw hari ini

LAM 2 1 MAR 2002

WARSAW 20 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok • lawatan pertamanya ke republik ini sejak menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir yang kini berada di Jerman mempunyai atur cara yang padat sepanjang lawatan tiga harinya ke negara ini.

Sejurus tiba pada pagi, beliau akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Leszek Miller sebelum melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Aleksander Kwasniewski.

Selain membincangkan isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa, pertemuan kedua-dua Perdana Menteri itu dijangka membuka peluang kerjasama yang lebih luas, bukan sahaja di bidang ekonomi dan perdagangan, tetapi juga sektor pelancongan, teknologi maklumat dan kebudayaan.

Lawatan ini adalah bertujuan meningkatkan lagi hubungan 'rapat dan mesra' yang terjalin sejak 30 tahun lalu antara kedua-dua buah negara.

Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapannya kepada para usahawan Poland dalam majlis makan tengah hari sebelum berlepas ke Wesola, 20 kilometer dari sini untuk menyaksikan demonstrasi kereta kebal dan peralatan ketenteraan.

Pada hari kedua lawatannya, Dr. Mahathir akan meletakkan kalungan bunga di tugu pering-

atan tentera di sini dan seterusnya dibawa menyaksikan demonstrasi armada tentera laut Poland di Gdansk, sebuah bandar pelabuhan di utara Warsaw.

Rombongan yang disertai oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan beberapa orang menteri kabinet, antaranya Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta usahawan Malaysia itu, akan dipertunjukkan dengan kapal penyelamat, kapal pemusnah periuk api dan helikopter penyelamat marin dan lain-lain lagi.

Sumbangan

Pada tengah hari, Dr. Mahathir akan menyertai masyarakat Islam di Gdansk menunaikan solat Jumaat di sebuah masjid di Gdansk-Oliwa dan akan menyampaikan sumbangan derma daripada Kerajaan Malaysia untuk masjid tersebut.

Selepas makan tengah hari bersama Gabenor Gdansk, Perdana Menteri dan rombongan akan melawat bandar bersejarah di Gdansk sebelum berlepas pulang ke sini dan akan ditemu-ramah oleh stesen televisyen Poland, TVP-1.

Dr. Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada hari Sabtu bagi mengakhiri lawatan ke Rusia, Jerman dan Poland sejak 14 Mac lalu. — Utusan.